

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2022**1223/1**

PENDIDIKAN ISLAM

Kertas 1

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi lima soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis di dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.*
5. *Ikat kertas jawapan bersama-sama helaian tambahan dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	20	
2	20	
3	20	
4	20	
5	20	
Jumlah	100	

Kertas soalan ini mengandungi 5 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah

Jawab semua soalan.

1 (a) Firman Allah SWT :

﴿وَذَرِ الَّذِينَ اتَّخَذُوا دِينَهُمْ لَعِبًا وَلَهْوًا وَعَرَّتْهُمْ أَلْحِيُوهُ الدُّنْيَا وَذَكَرَ بِهِ ۖ أَنْ تَبْسَلَ نَفْسٌ بِمَا كَسَبَتْ لَيْسَ لَهَا مِنْ دُونِ اللَّهِ وَئِيٍّ وَلَا شَفِيعٍ وَإِنْ تَعَدَلَ كُلُّ عَدَلٍ لَا يُؤْخَذُ مِنْهَا أُولَئِكَ الَّذِينَ أُبْسِلُوا بِمَا كَسَبُوا لَهُمْ شَرَابٌ مِّنْ حَمِيمٍ وَعَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْفُرُونَ﴾

(Surah al-An'am : Ayat 70)

Ayat di atas menjelaskan tentang larangan mempersendakan agama.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** bentuk perbuatan mempersendakan agama. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara menjaga kesucian Islam. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: قَالَ: عَنِ النَّبِيِّ: سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ اللَّهِ تَعَالَى، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللَّهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ، وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ، وَجَمَالَ فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَحْفًا حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالَهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينَهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ.

(متفق عليه)


Hadis di atas menerangkan tentang golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

- (i) Senaraikan **dua** golongan yang mendapat naungan selain orang yang menyembunyikan sedekah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** kelebihan sekiranya mendapat naungan Allah SWT. [2 markah]
 - (iii) Amalan bersedekah secara terang-terangan diharuskan oleh syarak dengan syarat-syarat tertentu.
Kemukakan pandangan anda tentang amalan tersebut. [4 markah]
- (c) Nyatakan **dua** jenis qalqalah di dalam hukum tajwid. [2 markah]

- 2 (a) As-Syahid adalah antara nama Allah SWT yang indah.
- (i) Nyatakan maksud as-Syahid. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** bukti Allah bersifat as-Syahid. [4 markah]
- (iii) Masih terdapat anggota masyarakat melakukan dosa dan maksiat sedangkan mereka mengetahui Allah SWT Maha Menyaksikan.
Pada pendapat anda, mengapakah keadaan ini berlaku? Kemukakan hujah anda. [4 markah]
- (b) Setiap muslim wajib memelihara imannya daripada terbatal.
- (i) Nyatakan **dua** cara iman seseorang terbatal selain iktikad. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **dua** perkara membatalkan iman melalui iktikad. [2 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** kesan melakukan perkara yang membatalkan iman. [2 markah]
- (iv) Masyarakat Malaysia ialah masyarakat yang berbilang kaum, agama dan kepercayaan.
Kemukakan hujah anda, bagaimana memelihara iman dalam situasi ini? [4 markah]
- 3 (a) Firman Allah SWT :
- وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ ...

Maksud : Dan sempurnakanlah ibadat Haji dan Umrah kerana Allah...
(Surah Al Baqarah: Ayat 196)
- (i) Nyatakan maksud haji. [2 markah]
- (ii) Senaraikan **empat** rukun haji dan umrah yang sama. [4 markah]
- (iii) Jelaskan **dua** perbezaan antara haji dan umrah. [4 markah]
- (b) Salah satu cara pembubaran perkahwinan ialah melalui talak.
- (i) Nyatakan maksud talak. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** hukum talak dan situasinya. [4 markah]

(iii)



Berdasarkan data di atas, cadangkan langkah bagi menangani isu tersebut.

[4 markah]

4. (a) Kepimpinan kerajaan Islam dalam era pemerintahan Kerajaan Khulafa ar Rasyidin menjadi asas kepada keadilan dan kecemerlangan umat Islam.

i. Nyatakan **dua** bentuk ketegasan Saidina Abu Bakar as Siddiq r.a. [2 markah]

ii. Jelaskan **dua** kejayaan yang telah dicapai oleh Saidina Umar Al-Khattab dalam bidang ekonomi. [4 markah]

iii. Sikap tegas yang diamalkan oleh Saidina Abu Bakar as Siddiq r.a dalam pemerintahannya menjadikan negara Islam berada dalam keadaan aman. Sebagai seorang murid, bagaimanakah anda mencontohi sikap tersebut. [4 markah]

(b) Imam as-Syafie merupakan salah seorang daripada tokoh mazhab dalam sejarah Islam.

(i) Nyatakan secara ringkas riwayat hidup beliau. [3 markah]

(ii) Jelaskan **tiga** buah negara yang mengamalkan mazhab Syafie. [3 markah]

(iii) Terangkan **dua** iktibar yang boleh diambil daripada kesungguhan Imam as-Syafie rahimahullah dalam menuntut ilmu. [4 markah]

5 (a) Konsep wasatiah merupakan antara konsep yang perlu dihayati oleh setiap individu muslim.

(i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]

(ii) Jelaskan prinsip kesederhanaan berserta contohnya. [2 markah]

(iii) Terangkan hikmah mengamalkan wasatiah dalam kehidupan. [2 markah]

(iv)



Berdasarkan gambar di atas, cadangkan langkah untuk mengatasi pembaziran yang sering berlaku dalam masyarakat. [4 markah]

(b) Menjaga alam sekitar merupakan tanggungjawab bersama.

(i) Apakah maksud alam sekitar? [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 markah]

(iii) Terangkan hikmah adab menjaga alam sekitar. [2 markah]

(iv) **“Hari Alam Sekitar Malaysia disambut pada 21 hingga 27 Oktober setiap tahun selama seminggu bagi meningkatkan kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar”**

Berdasarkan pernyataan di atas, huraikan pandangan anda tentang peranan masyarakat bagi merealisasikan hasrat tersebut.

[4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT